

# Kubang Pasu terhutang budi

UM 31/10/2003 - 21 PRECISE



RUSMADI WAN ISMAIL

PENDUDUK Kubang Pasu amat menghargai segala jasa dan usaha Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang selama ini telah membangunkan kawasan mereka sehingga muncul sebuah daerah yang lengkap dengan pelbagai kemudahan infrastruktur.

Rata-rata penduduk daerah itu berpuas hati dan berasa bangga kerana menjadi penduduk Kubang Pasu yang diwakili oleh Dr. Mahathir sejak hampir 30 tahun yang lalu.

Mereka juga begitu menyayangi pemimpin tersebut bukan sahaja kerana jasanya yang membawa pelbagai bentuk pembangunan di kawasan itu tetapi sikap mesranya serta keprihatinan beliau terhadap pelbagai masalah penduduk walaupun beliau sibuk dengan tugas negara.

Seorang suri rumah yang pernah membantu ibunya memasak untuk hidangan makanan tengah hari Perdana Menteri di rumahnya, **Azizah Mat Noh**, 55, berkata sumbangan Dr. Mahathir terhadap penduduk Kampung Pasir tidak ternilai besarnya.

Beliau berkata, pembangunan di kampungnya semakin hari semakin bertambah sehinggalah kini setiap kampung di kawasan ini lengkap dengan pelbagai kemudahan.

"Kami bersyukur kerana semua kemudahan ada di kampung kami," katanya ketika ditemui.

Seorang tukang jahit, **Mariam Hussin**, 47, berkata, lawatan Perdana Menteri di kedainya di Kepala Batas telah meninggalkan kenangan pada dirinya sehingga kini.

"Saya tidak menyangka Dr. Mahathir boleh datang ke kedai saya dan bertanya khabar mengenai perniagaan saya sedangkan kedai saya tidaklah secantik butik lain.

"Saya rasa bangga kerana pemimpin besar itu sanggup melawat kedai saya dan tetap mengambil berat tentang peniaga-peniaga kecil seperti kami ini," katanya.

Seorang peniaga kedai runcit, **Muruges a/l Muthuvellu**, 42, berpendapat Perdana Menteri adalah pemimpin terbaik yang membawa pembangunan menyeluruh di daerah Kubang Pasu.

"Bukan sahaja di Kepala Batas, tetapi banyak lagi kawasan dibangunkan dengan pelbagai kemudahan dan membuka peluang kepada semua kaum termasuk saya berniaga di sini untuk menyara kehidupan keluarga," jelasnya lagi.

Seorang kakitangan kerajaan, **Rusmadi Wan Ismail**, 35, dari Kampung Kepala Batas berharap pengorbanan Perdana Menteri dalam meningkatkan taraf hidup penduduk di daerah ini tidak harus dilupakan begitu sahaja oleh generasi masa depan.

"Kami amat menghargai jasa beliau dan berharap agar selepas bersara nanti, beliau akan terus memberi idea-idea baru untuk pembangunan daerah Kubang Pasu," ujarnya lagi.

Peniaga, **Zakaria Abdul**, 45, berkata pemikiran Dr. Mahathir telah menyedarkan masyarakat, bukan sahaja untuk masa ini tetapi juga untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

"Kita mungkin tidak temui lagi pemimpin seperti ini," kata **Zakaria Mansur Ibrahim**, 51, pula menyifatkan Dr. Mahathir seorang pemimpin yang penyabar selain memiliki pemikiran yang bernas bagaimana untuk memajukan penduduk kampung.

Pembangunan kawasan industri Bukit Kayu Hitam, Kampung Moden di Changlun, Taman Air Darulaman, Universiti Utara Malaysia, Dewan Wawasan dan Bandar Darulaman terbina semasa beliau menjadi Perdana Menteri, katanya.

**Heng Chong Oei**, 63 dari Kampung Tok Jalai, pula menganggap Dr. Mahathir seorang pemimpin yang disenangi oleh segenap lapisan masyarakat.

"Sebab itu kami di sini terus memberikan sokongan kepadanya setiap kali pilihan raya. Kita perlu sokong dia lagi sebab dia jaga semua orang," kata Chong Oei.

Suri rumah, **Faridah Abdul**, 39 dari Kampung Tualang, Kepala Batas, pula berkata kepimpinan telah berjaya mengubah cara pemikiran rakyat terutama dalam meningkatkan taraf hidup, pendidikan dan kesihatan.

"Sebagai contoh, Dr. Mahathir mencadangkan pembinaan Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok, sesuatu yang tidak pernah dimimpikan oleh penduduk di sini pada masa lalu," kata Faridah.



MANSUR IBRAHIM



ZAKARIA ABDUL



MURUGES



HENG CHONG OEI



FARIDAH ABDUL